



# IKLAN JAWATAN KOSONG

## LEMBAGA GETAH MALAYSIA

### *MALAYSIAN RUBBER BOARD*

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk berkhidmat di Lembaga Getah Malaysia dalam jawatan seperti berikut:

JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN	TARAF JAWATAN	GRED & JADUAL GAJI
1. PEGAWAI PENYELIDIK	PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	TETAP	<b>Q41</b> P1T1 RM1899.01 – P1T25 RM4715.47 P2T1 RM1995.02 – P2T25 RM4988.08 P3T1 RM2095.21 – P3T25 RM5284.57
2. PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT	PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	TETAP/ KONTRAK	<b>F41</b> P1T1 RM1899.01 – P1T25 RM4715.47 P2T1 RM1995.02 – P2T25 RM4988.08 P3T1 RM2095.21 – P3T25 RM5284.57
3. PEGAWAI TADBIR	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	TETAP	<b>N41</b> P1T1 RM1690.28 – P1T27 RM4640.28 P2T1 RM1784.90 – P2T27 RM4918.55 P3T1 RM1883.70 – P3T27 RM5220.62
4. PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK	PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	SOKONGAN	TETAP/ KONTRAK	<b>Q27</b> P1T1 RM1207.58 – P1T26 RM3030.13 P2T1 RM1277.16 – P2T26 RM3216.28 P3T1 RM1349.76 – P3T26 RM3408.29
5. PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA	SOSIAL	SOKONGAN	TETAP	<b>N27</b> P1T1 RM1204.55 – P1T26 RM3027.10 P2T1 RM1274.13 – P2T26 RM3213.25 P3T1 RM1346.73 – P3T26 RM3405.26
6. PEREKA	PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI	SOKONGAN	KONTRAK	<b>B27</b> P1T1 RM1210.60 – P1T26 RM3033.15 P2T1 RM1280.18 – P2T26 RM3219.30 P3T1 RM1352.78 – P3T26 RM3411.31
7. PEMBANTU PENYELIDIK	PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	SOKONGAN	TETAP/ KONTRAK	<b>Q17</b> P1T1 RM823.40 – P1T24 RM2154.37 P2T1 RM874.83 – P2T24 RM2275.52 P3T1 RM927.77 – P3T24 RM2400.97
8. PEMBANTU TADBIR PERKERANIAN/ OPERASI)	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	SOKONGAN	KONTRAK	<b>N17</b> P1T1 RM 820.38 – P1T24 RM 2151.35 P2T1 RM 871.81 – P2T24 RM 2272.50 P3T1 RM 924.75 – P3T24 RM 2397.95
9. PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	SOKONGAN	TETAP	<b>W17</b> P1T1 RM 821.89 – P1T24 RM 2152.86 P2T1 RM 873.32 – P2T24 RM 2274.01 P3T1 RM 926.26 – P3T24 RM 2399.46
10. PEMBANTU TADBIR RENDAH	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	SOKONGAN	TETAP	<b>N11</b> P1T1 RM709.59 – P1T22 RM1750.21 P2T1 RM752.06 – P2T22 RM1839.98 P3T1 RM796.16 – P3T22 RM1931.38
11. PEMBANTU AM PEJABAT	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	SOKONGAN	TETAP	<b>N1</b> P1T1 RM649.15 – P1T22 RM1506.79 P2T1 RM691.62 – P2T22 RM1583.49 P3T1 RM735.72 – P3T22 RM1661.82
12. PEKERJA AWAM	MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR	SOKONGAN	TETAP/ KONTRAK	<b>R1</b> P1T1 RM647.51 – P1T14 RM1178.43 P2T1 RM689.98 – P2T14 RM1242.09 P3T1 RM734.08 – P3T14 RM1307.38

## 1. SYARAT LANTIKAN

Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

### **JAWATAN 1: PEGAWAI PENYELIDIK, GRED Q41**

(a) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(b) Ijazah sarjana muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: P1T2); atau

(c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: P1T3); atau

(d) Ijazah sarjana dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: P1T6); atau

(e) Ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang sains daripada daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: P1T9);

dan

(f) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian Lisan) pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(Keutamaan** : bidang fisiologi tumbuhan, bidang patologi tumbuhan (entomologi), bidang biokimia, bidang kimiahayat, bidang kimia, bidang kejuruteraan/industri/polimer kimia)

## **JAWATAN 2: PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT, GRED F41**

- (a) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains computer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: P1T1); atau

- (b) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: P1T3); atau

- (c) Ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: P1T6); atau

- (d) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : P1T9);

dan

- (e) mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

## **JAWATAN 3: PEGAWAI TADBIR, GRED N41**

- (a) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- (b) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: P1T3); atau

dan

- (c) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

(Keutamaan : mempunyai pengalaman dalam pengauditan dalaman)

**JAWATAN 4: PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK, GRED Q27**

- (a) Sijil Tinggi Persekolah Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Matematik atau Ilmu Sains; atau
- (b) Diploma dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q27 :P1T5) ; atau

- (c) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q27 :P1T6) ;

dan

- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasukl lulus Ujian Lisan) pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**JAWATAN 5: PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA, GRED N27**

- (a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (b) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27:P1T5)

- (c) bekas Inspektor Polis Diraja Malaysia atau Leftenan Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik;

dan

- (d) calon yang memiliki kelayakan di perenggan (a) atau (b) diatas hendaklah lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### **JAWATAN 6 : PEREKA, GRED B27**

Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat kepujian dalam subjek Lukisan pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai pengalaman dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; atau
- (b) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat principal dalam subjek Lukisan pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai pengalaman dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; atau
- (c) Diploma dalam bidang seni lukis dan seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

dan

- (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(Keutamaan :** Diploma dalam bidang Seni Halus, berpengalaman bekerja sekurang-kurangnya 4 tahun dalam bidang penerbitan, pameran dan pengiklanan, boleh mengendalikan kerja-kerja DTP, mahir menggunakan perisian seperti Adobe Illustrator, Adobe Photoshop dan Adobe InDesign, mahir dalam perisian 3D Studio Max, Macromedia Flash)

#### **JAWATAN 7: PEMBANTU PENYELIDIK, GRED Q17**

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (b) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q17:P1T7); atau

- (c) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q17:P1T8);

dan

- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### **JAWATAN 8: PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI), GRED N17**

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T1); atau

- (b) Sijil Perancang Bandar dan Wilayah daripada UiTM yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T6); atau

- (c) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T8); atau

- (d) Sijil dalam bidang kejuruteraan ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T9); dan

- (e) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### **JAWATAN 9: PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN), GRED W17**

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut; atau

- (b) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17:P1T2); atau

- (c) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17:P1T5); atau

- (d) Sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17:P1T9); dan

- (e) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### **JAWATAN 10: PEMBANTU TADBIR RENDAH, GRED N11**

- (a) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : P1T2)

(Keutamaan : berkebolehan mengendalikan komputer)

#### **JAWATAN 11: PEMBANTU AM PEJABAT, GRED N1**

- (a) Berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (b) Boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: P1T2)

#### **JAWATAN 12: PEKERJA AWAM, GRED R1**

- (a) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan;
- (b) berkebolehan menjalankan bidang kerja yang berkaitan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini

(Gaji permulaan ialah pada Gred R1 : P1T3); dan

- (c) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

## 2. UMUR

- (a) Calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- (b) Pegawai sedang berkhidmat untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan hendaklah berumur tidak melebihi dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## 3. CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan borang rasmi yang boleh didapati daripada **Pejabat Unit Pengurusan Sumber Manusia, Lembaga Getah Malaysia, 260 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur**. Borang juga boleh diperolehi melalui Laman Web [www.lgm.gov.my/Forms/hr/hrform.html](http://www.lgm.gov.my/Forms/hr/hrform.html)
- (b) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan:-
- (i) Salinan Ijazah/Diploma/Sijil atau Salinan Keputusan Peperiksaan akhir bagi kelayakan yang diisyaratkan, Salinan Kad Pengenalan, Sijil Berhenti Sekolah dan Sijil Kelahiran yang telah **disahkan**.
  - (ii) Transkrip keputusan semua semester dari Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan yang mengandungi CGPA. Transkrip yang tidak dinyatakan CGPA tidak akan diterima.
  - (iii) Permohonan daripada Pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Kuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan pastikan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi terkini disertakan bersama.
  - (iv) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat dan di sudut atas sebelah kiri hendaklah ditulis **NAMA JAWATAN YANG DIPOHON**.

## 4. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP

Ketua Pengarah  
Lembaga Getah Malaysia  
260 Jalan Ampang  
50450 KUALA LUMPUR  
(u.p.: **Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia**)

**SEBELUM ATAU PADA 26 SEPTEMBER 2008**

## 5. CATATAN AM

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Permohonan yang lewat diterima dan tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.